

Tarikh Dibaca: 11 JAN 2019M / 05 JAMADILAWAL 1440H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

“REMAJA DAN CABARAN MASA KINI”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor** (Setiausaha)
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
**Timbalan Mufti,
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"REMAJA DAN CABARAN MASA KINI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : نَحْنُ نُقُصُّ عَلَيْكَ بَأْهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّمَا
فِتْيَةُ أَمْنَوْا بِرَبِّهِمْ وَزِدَنَهُمْ هُدًى^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا
الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقَوْيُ اللَّهُ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِنَّمَا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia hingga ke akhirat.

Khatib ingin mengajak semua jemaah untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**REMAJA DAN CABARAN MASA KINI.**"

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Setiap daripada kita pernah melalui usia remaja, dan usia remaja inilah fasa terpenting berlakunya pertembungan konflik dalam jiwa setiap diri yang bergelar remaja yang mengarah ke arah jalan kebaikan atau sebaliknya.

¹ Al-Kahfi : 13.



Remaja merupakan asset dan tonggak sesebuah Negara. Oleh itu, pada usia inilah kita berperanan untuk mendekati remaja dan sentiasa mendampingi mereka dengan menunjukkan akhlak yang baik serta membina aqidah mereka sepetimana firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 13;

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِيهِ وَهُوَ يَعِظُهُ رَبِّنِي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ
الْشِرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Daripada kekuatan aqidah inilah akan dapat melahirkan seseorang remaja yang mempunyai tanggungjawab terhadap agama dan berwawasan tinggi. Lihatlah Sultan Muhammad al-Fateh yang telah berjaya membuka kota Kostantinopel ketika baginda berusia 19 tahun. Baginda telah dididik sejak kecil oleh ayahnya untuk merealisasikan sabda Rasulullah SAW daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bishrun al-Khath'ami (بِشْرٌ) (الخَثْعَبِي) RadhiAllahu Anhu:

لَتُفْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَنِعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا
وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

"Akan dibuka Kota Kostantinopel, pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan tenteranya adalah sebaik-baik tentera".

(Riwayat Ahmad).

Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh ini adalah disebabkan kuatnya hubungan baginda dengan Allah SWT. Baginda adalah seorang yang sangat



warak, tidak pernah meninggalkan solat fardhu berjamaah, sentiasa solat sunat tahajjud dan rawatib sejak baligh hingga kewafatannya.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Perlu diingat bahawa remaja kita pada hari ini wajib dididik dan diberi latihan yang sempurna dengan akidah yang mantap, ibadah yang sahih dan akhlak yang unggul. Semaikanlah dalam jiwa remaja kita agar cintakan masjid dan sentiasa menghidupkan malam dengan beribadah seperti solat dan membaca al-Quran. Sesungguhnya mereka yang dididik hatinya sentiasa terpaut dengan masjid pasti mendapat kejayaan di dunia dan Allah SWT akan memberi perlindungan kepada tujuh golongan pada hari yang tidak ada perlindungan melainkan hanya perlindungan-Nya sahaja di akhirat kelak seperti mana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bawanya Rasulullah SAW bersabda antaranya:

وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي
الْمَسَاجِدِ

"Dan pemuda yang membesar dalam beribadah kepada Tuhan mereka dan lelaki yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid".

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Bagi membina dan membentuk golongan remaja Islam yang unggul, berikut adalah beberapa panduan yang perlu dititikberatkan dan diikuti oleh kita semua. Antaranya:

1. Menanam akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah

Islam sangat mementingkan akidah umatnya sentiasa jelas dan kukuh semenjak kanak-kanak lagi. Akidah yang diterima ialah akidah Ahli Sunnah



wal-jamaah, mereka wajib dididik dengan pegangan dan keyakinan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah agar dapat menghindar segala fahaman akidah yang menyeleweng dan sesat.

2. Menuntut Ilmu Agama

Ilmu yang wajib dicari selain dari aqidah ialah ilmu syariah dan akhlak serta diamalkan agar menjadi remaja yang kukuh keilmuannya. Ini kerana golongan remajalah yang bakal menjadi pertahanan agama dan negara pada masa hadapan dan menjadi tembok yang kukuh dalam membela Islam.

3. Berakhlak Mulia

Islam sangat menuntut umatnya terutama terhadap generasi muda supaya sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti menghormati ibubapa, guru-guru, jiran tetangga dan orang-orang yang lebih tua dan sebagainya.

4. Mencari Contoh Tauladan Terbaik

Golongan remaja hendaklah menjadikan Rasulullah SAW, para sahabat baginda, para ulama dan pejuang Islam sebagai contoh ikutan dan tauladan hidup sepanjang zaman. Dengan demikian sahaja mereka akan mencapai matlamat kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah.

5. Hindari Perbuatan Terlarang

Remaja hendaklah mengawal nafsu jahat dan kehendak yang cenderung kepada perbuatan keji dan mungkar seperti mencuri, melakukan zina, rogol, amalan LGBT, minum arak, penyalah gunaan dadah dan lain-lain kemungkaran.

6. Memilih Teman Yang Baik

Setiap remaja hendaklah mencari kawan yang baik dan boleh membawa kepada kebaikan. Oleh sebab itulah, Islam menganjurkan kita



mencari teman-teman yang baik. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

"Seseorang itu mengikut agama kawan rapatnya, oleh itu hendaklah setiap seorang itu melihat siapa kawan rapatnya."

(Riwayat al-Hakim).

7. Bijak Memanfaatkan Peluang Yang Ada Terutamanya Usia Muda

Walaupun masa muda masih belum disibukkan dengan banyak komitmen atau tanggungjawab lain, itu tidak bermakna masa remaja boleh dihabiskan dengan hiburan, berfoya-foya begitu sahaja. Padahal masa muda inilah yang seharusnya dijadikan pelaburan pada masa hadapan.

Hadis daripada Ibnu Abbas Radhiaallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Pergunakanlah peluang yang lima sebelum datangnya lima perkara; Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu, masa kayamu sebelum datang masa miskinmu, masa kosongmu sebelum datang masa sibukmu dan masa hidupmu sebelum datang masa kematianmu."

(Riwayat al-Hakim).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan seperti berikut:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa umur remaja akan dihisab secara khusus oleh Allah SWT di akhirat nanti.
2. Umat Islam hendaklah kembali kepada ajaran agama dengan menunjukkan akhlak yang mulia.
3. Masyarakat Islam hendaklah sentiasa prihatin terhadap pendidikan dan pembentukan akhlak remaja yang merupakan aset yang paling berharga kepada ummah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ وَيَبْنِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ
الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

١٣

"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

(Surah Luqman : 13).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Hasal/Nurul

03.01.2019



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُوْأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلاَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ،
تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ



شَاهُ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ اأْطِلْ عُمْرَهُمَا،
مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا^١
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
